



Anwar bersama jemaah mendengar khutbah Jumaat bertajuk 'Menabur Bakti Menuai Syurga' disampaikan Mufti Wilayah Persekutuan, Ahmad Fauwaz Fadzil di Surau Al-Quddus, PPAM Saderi, Presint 16, Putrajaya, semalam. Turut hadir, Mufti Agung Mesir, Prof Dr Nazir Mohammed Ayyad. (Foto BERNAMA)

PM sahkan Ewon masih menteri

Anwar belum terima notis Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi didakwa mahu letak jawatan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan belum menerima notis daripada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick yang didakwa mahu meletak jawatan dalam Kabinet.

Ditanya sama ada Presiden Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) itu menghadiri mesyuarat Jemaah Menteri pagi semalam, Perdana Menteri Anwar yang ditemui media selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Quddus, Presint 16, di sini, semalam, menjawab ringkas: "Datang... datang."

Anwar juga ketika ditanya sama ada Ewon akan melepaskan jawatan menteri, sekadar berkata: "Belum lagi."

Ewon sebelum ini dilaporkan berkata, beliau sedia melepaskan jawatan menteri jika Jabatan Peguam Negara (AGC) merayu keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu yang mengiktiraf hak

Sabah ke atas perkongsian hasil Persekutuan dari negeri berkenaan.

Dalam ucapan penggulungannya pada konvensyen UPKO Penampang, baru-baru ini, beliau menyatakan sudah memaklumkan kepada Perdana Menteri serta dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta menteri lain mengenai pendiriannya.

Ewon berkata, keputusan berkenaan selaras dengan resolusi yang diluluskan Konvensyen UPKO Bahagian Penampang sebelum ini, yang menuntut beliau berundur daripada Kabinet sekiranya AGC menepikan rayuan terabit.

Pada 18 Oktober lalu, AGC memaklumkan akan meneliti alasan penghakiman Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu berhubung Pemberian Khas Negeri Sabah sebelum mengambil sebarang tindakan susulan.

Menurut kenyataan AGC, mahkamah pada 17 Oktober memutuskan bahawa Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Sabah perlu menjalankan satu lagi semakan terhadap Pemberian Khas Negeri Sabah bagi tempoh 1974 hingga 2022.

Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu mendapati Kerajaan Perse-

kutuan bertindak secara tidak sah dan melampaui kuasa Perlembagaan apabila gagal menunaikan hak Sabah terhadap 40 peratus hasil Persekutuan selama hampir lima dekad.

Semakan dalam 90 hari

Mahkamah turut mengarahkan semakan dibuat dalam tempoh 90 hari, manakala persetujuan bersama antara kedua-dua kerajaan perlu dicapai dalam tempoh 180 hari dari tarikh perintah dikeluarkan berhubung tuntutan pemberian khas 40 peratus hak Sabah bagi tempoh 1974 hingga 2021.

Arahan berkenaan dikeluarkan selepas mahkamah membenarkan permohonan semakan kehakiman oleh Persatuan Undang-Undang Sabah (SLS) terhadap Kerajaan Malaysia dan kerajaan Sabah berhubung hak Perlembagaan negeri itu untuk menuntut 40 peratus daripada hasil bersih yang diperoleh dari Sabah.

Kes berkenaan tertumpu kepada tafsiran Perkara 112C dan 112D Perlembagaan Persekutuan Perkara 112C menyentuh geran khas serta agihan hasil kepada Sabah dan Sarawak, manakala Perkara 112D menetapkan semakan berkala terhadap geran berkenaan.



Ewon Benedick